

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 SEPTEMBER 2018**

.....

1. PELETAKAN JAWATAN PENGARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PENOLONG PENGARAH KANAN KEMASYARAKATAN

Dengan ini dimaklumkan Dr. Sujatha A/P Saravanan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan dan Puan Tan Joo Tee, Penolong Pengarah Kanan Kemasyarakatan telah meletak jawatan berkuatkuasa pada 15 September 2018.

MPSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas khidmat Pengawai-Pengawai berkenaan semasa berkhidmat di MPSP dan semoga Berjaya dalam bidang yang akan diceburi kelak.

2. PROGRAM SEBERANG PERAI FIESTA

Seberang Perai Fiesta 2018 akan diadakan di Tapak Ekspo Seberang Jaya pada 26 September 2018 sehingga 30 September 2018, program ini berlangsung selama 5 hari daripada 10.00 pagi sehingga 11.00 malam. Perasmian akan dilakukan pada 29 September 2018. Sepanjang 5 hari program, terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan oleh jabatan/agensi antaranya pertandingan karaokae, pertandingan ayam serama, penjualan daripada usahawan tempatan, dan pameran-pameran jabatan-jabatan serta

agensi-agensi. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta meramaikan Program Seberang Perai Fiesta 2018.

3. FOREST BATHING

Dimaklumkan pada 29 September 2018 akan diadakan Program Forest Bathing yang akan dijalankan di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam pada jam 8.00 pagi. Forest Bathing merupakan satu konsep yang mula-mula diperkenalkan di negara Jepun pada tahun 1980 an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “Shirin-Yoku”.

lanya telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun yang melibatkan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas sambil menghirup udara segar di kawasan hutan hijau sedia ada. Program Forest Bathing ini adalah sejajar dengan Penang2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang pintar, hijau dan mesra keluarga (A family focused green and smart city).

4. HARI MESRA PELANGGAN 3.0 #ANDAPERLUKAMIBANTU

Dimaklumkan bahawa program Mesra Pelanggan 3.0 akan diadakan pada 27 September 2018, bertempat di Ruang Legar Lobi dan Auditorium MPSP Ibu Pejabat MPSP bermula dari 9.00 pagi sehingga 1.00 tengah hari. Tema program pada kali ini #ANDAPERLUKAMIBANTU, adalah untuk menumpukan kepada pengeluaran lesen bertempoh kepada perniagaan tidak risiko luar skim di seluruh kawasan Seberang Perai.

Lesen bertempoh adalah salah satu kaedah pemberian lesen perniagaan oleh MPSP kepada pengusaha atau peniaga di kawasan Seberang Perai bagi membolehkan perniagaan yang diusahakan beroperasi dengan kebenaran MPSP secara bertempoh. Program ini diharap dapat membantu warga Seberang Perai terutamanya pengusaha kilang dan peniaga serta pihak yang terlibat dalam memperolehi lesen perniagaan secara bertempoh. Penganjuran program ini juga secara tidak langsung dapat membantu pihak MPSP mengawal masalah berhubung perniagaan tanpa lesen bagi kawasan Seberang Perai. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

5. MPSP CAR FREE MORNING PADA 7 OKTOBER 2018 (AHAD) & SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 7 Oktober 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tema pada kali ini ialah berkonsepkan Sambutan Hari Sukan Negara. Terdapat juga aktiviti senamrobik yang lebih santai, sukan ibubapa dan anak, pemeriksaan kesihatan serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

Seterusnya, senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 21 Oktober 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 28 Oktober 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

6. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 14 Oktober 2018 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik. Ianya selari dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, MPSP mensasarkan Seberang Perai akan menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

7. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 30 September 2018, diadakan di Pasar

Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.